



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PELANCARAN SISA SIFAR
AEON BIG BUKIT MINYAK

28 MEI 2018 (ISNIN)
2.30 PETANG

MEDAN SELERA AEON BIG BUKIT MINYAK
BUKIT MERTA JAM

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir Hjh Rosnani bt Hj Mahmod

Setiausaha Perbandaran

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Encik Tinagaran Saigaran

Pengurus Setor

AEON Big Bukit Minyak

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Para Peniaga dan kakitangan-kakitangan

AEON Big Bukit Minyak

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat petang dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama hadir dalam Majlis Pelancaran Sisa Sifar AEON Big Bukit Minyak pada petang yang mulia ini.

Sebelum itu izinkan saya merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak pengurusan AEON Big Bukit Minyak kerana sudi mengambil bahagian dalam Program Sisa Sifar bersama MPSP. AEON Big Bukit Minyak merupakan pasaraya pertama di Seberang Perai yang menyertai Program Sisa Sifar.

MPSP menggunakan pendekatan kreatif untuk “*unlock the power of partnership*” melalui pendekatan 7Ps (*People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet Partnership*). Dengan pendekatan *private and public partnership*, MPSP telah bekerjasama dengan AEON Big Bukit Minyak dalam melaksanakan program ini. Sikap keterbukaan pihak pengurusan AEON Big Bukit Minyak dalam menerima MPSP untuk menjalankan Program Sisa Sifar merupakan satu langkah permulaan yang penting untuk membentuk sebuah komuniti yang lestari

Para Hadirin yang dihormati sekalian,

Konsep Sisa Sifar adalah merupakan satu matlamat yang kukuh dan berwawasan untuk mengajak manusia mencontohi kitaran alam semulajadi di mana semua bahan buangan adalah sumber untuk kegunaan lain. Ianya merupakan satu elemen yang penting di mana pembuangan sisa buangan / sampah ke alam semulajadi atau tapak pelupusan sampah dapat dikurangkan.

Secara mudah konsep ini mengajak kita supaya memaksimumkan kitar semula, meminimakan sisa lebihan, mengurangkan penggunaan dan memastikan setiap barangan yang dihasilkan boleh diguna semula, dibaiki, dikitar dan dikomposkan.

Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan sekalian, pada tahun 2017, MPSP telah membelanjakan RM13,191,485.44 untuk menguruskan 453,035.17 tan sampah di Tapak Pelupusan Pulau Burung. Kos ini hanya merupakan kos *tipping fees* dan kos pengangkutan serta pengurusan Stesen Pemindahan Ampang Jajar, dan tidak termasuk gaji, kos minyak dan penyelenggaraan kenderaan-kenderaan pembersihan.

Pengurangan sampah ke Pulau Burung bukan sahaja dapat memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan sampah tersebut, namun ia juga dapat mengurangkan kos pembersihan. Jika lebih banyak kos dapat dijimatkan, wang tersebut dapat disalurkan untuk membangunkan dan mengindahkan lagi kawasan Seberang Perai.

Lebih daripada 41% sampah yang dibuang oleh penduduk Seberang Perai merupakan sisa organik. Jika kita dapat menjalankan kitar semula dan pengkomposan, ia dapat mengurangkan banyak sampah yang dihantar ke tapak pelupusan. Oleh itu, kerjasama kesemua pihak dan para penduduk Seberang Perai di dalam program-program seperti ini amat dialu-alukan kerana ia memupuk satu ikatan ke arah mewujudkan betapa pentingnya kita mengurangkan penjanaaan sisa pepejal atau sampah sarap.

Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan sekalian, pada tahun 2017, kadar kitar semula bagi keseluruhan Seberang Perai adalah 42.6% yang mana ianya telah berjaya ditingkatkan daripada 39% pada tahun 2015. Bagi mencapai hasrat MPSP untuk mencapai Bandar Rendah Karbon yang diimpikan pada tahun 2022, MPSP telah menetapkan sasaran untuk mencapai kadar kitar semula sebanyak 70% pada tahun 2022 dan beratan sampah ke tapak pelupusan sampah

dikurangkan sehingga 50%. Angka-angka ini merupakan satu sasaran yang tinggi dan hanya boleh dicapai sekiranya MPSP dan penduduk Seberang Perai bersama-sama berganding bahu mencapai matlamat ini. Beberapa langkah yang diambil oleh MPSP untuk mengurangkan pelupusan sampah sarap adalah:-

- i. Pengasingan sisa di punca yang telahpun dilaksanakan di seluruh Pulau Pinang mulai 1 Jun 2016. Kaedah yang digunakan adalah pemunya atau penghuni premis kediaman hendaklah memastikan sampah diasingkan mengikut sampah yang boleh dikitar semula dan sampah yang tidak boleh dikitar semula. Sampah yang boleh dikitar semula harus dimasukkan atau dibungkuskan dalam apa-apa bekas yang bersesuaian dan diletakkan untuk pungutan di luar rumah pada hari pungutan iaitu Hari Sabtu. Dari bulan Jun 2016 sehingga April 2018, MPSP telah berjaya mengutip bahan buangan kitar semula sebanyak 547,528kg di seluruh Seberang Perai.

- ii. Aktiviti-aktiviti kitar semula yang telah giat dijalankan oleh MPSP sejak 2008 melibatkan pelbagai lapisan seperti pihak komuniti, Badan Bukan Kerajaan (NGO), pihak swasta, kilang / perindustrian, pejabat, sekolah, tadika dan yang terkini penglibatan pasaraya.

Saya amat-amat mengharapkan aktiviti kitar semula ini menjadi satu amalan harian. Bermula daripada tempat kerja hingga ke dalam institusi kekeluargaan, pasti dapat menjadikan Seberang Perai dan sekaligus Pulau Pinang sebuah negeri yang mengamalkan kitar semula dengan jayanya. Jika warga Seberang Perai dapat mengamalkan kitar semula, ianya akan menjadi satu tunjang utama dalam penjagaan alam sekitar yang lebih lestari dan hijau.

Para Hadirin yang dihormati sekalian,

MPSP telah memulakan kempen Program Sisa Sifar sejak tahun 2010. Sasaran bagi program ini adalah sekolah-sekolah, kilang-kilang dan komuniti. Sehingga kini terdapat 14 lokaliti yang telah mengambil bahagian.

Lokaliti tersebut adalah

- I. Sembilan (9) kawasan perumahan berstrata,
 - i. Taman Pandan
 - ii. Pangsapuri Park View
 - iii. Palm Vila
 - iv. BM Resident
 - v. Ocean View Resident

- vi. Sea View Condominium
 - vii. The Signature
 - viii. Pangsapuri Tanjung Indah
 - ix. Taman Villa Oren
- II. Satu (1) perkampungan
- i. Kampung Jawi
- III. Dua (2) kilang
- i. Kilang Sony
 - ii. South Island Garment
- IV. Satu (1) pusat perniagaan
- i. Autocity Juru
- V. Sebuah hotel.
- i. Ixora Hotel

Pada tahun 2017 sahaja, sebanyak 161,290 kg sisa organik telah dikumpulkan daripada 14 lokaliti tersebut.

MPSP juga telah memilih beberapa pasar, iaitu Pasar Kota Permai, Pasar Sri Rambai, Pasar Kampung Baru, Pasar Bukit Mertajam, Pasar Sama Gagah, Pasar Seberang Jaya, Pasar Sri Uda, Pasar Sri Bandar, Pasar Jeti Lama dan Pasar Taman Selamat, sebagai projek perintis untuk menjalankan kutipan sisa organik. Ini juga merupakan salah satu langkah dalam menuju sisa sifar. Sisa yang kebanyakan terdapat di pasar adalah sayur-sayur yang telah rosak yang dibuang ke dalam tong sampah. Sisa-sisa ini diasingkan oleh peniaga dan juga pekerja MPSP dan dipungut setiap hari kecuali hari Ahad dan seterusnya dihantar ke Pusat Kompos Bagan Ajam. Beratan sisa organik yang telah dipungut dan dihantar ke Pusat Kompos Bagan Ajam bagi tempoh April hingga Disember 2017 adalah sebanyak 152,615 kg.

Para Hadirin yang dihormati sekalian,

Untuk menjayakan lagi kempen Program Sisa Sifar ini, MPSP memperkenalkan *MPSP Smart Consumption Model* (Model MPSP berhubung Penggunaan Bijak) atau Amalan 8R dalam usaha untuk menggalakkan dan melahirkan sebuah masyarakat dan komuniti setempat yang sihat dan peka terhadap isu-isu alam sekitar serta diseimbangkan dengan perkembangan ekonomi dan pembangunan sosial.

8R adalah konsep yang diamalkan oleh MPSP dalam memastikan kelestarian alam sekitar. Amalan 8R mengajak masyarakat berfikir terlebih dahulu sebelum menghasilkan sampah. Ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Pulau Pinang *Cleaner, Greener, Safer and Healthier* (Pulau Pinang Lebih Bersih, Hijau, Selamat dan Sihat) dan menjadi salah satu usaha MPSP untuk mencapai impian menjadikan Seberang Perai sebagai sebuah bandar raya rendah karbon menjelang tahun 2022. 8R memainkan peranan yang besar dalam menuju sisa sifar dan secara ringkasnya:-

1. *Rethink (Be mindful of your consumption, your relationship with 'things' and your relationship with the Earth).* Ianya mengajar kita membuat pembelian secara berhemah atau mengambil sekadar keperluan. Ini dapat mengelakkan pembaziran dari sisa tersebut berakhir di tapak pelupusan.
2. *Refuse (Don't consume what you don't need to)* - kita sentiasa mempunyai pilihan. Jangan beli apa-apa yang tidak diperlukan. Sebagai contoh menolak penggunaan plastik kerana plastik merupakan sumber terbesar pencemaran alam.

3. *Reduce (Reduce consumption of energy and materials)* - bertujuan mengurangkan jumlah sampah yang dihasilkan untuk dihantar ke tapak pelupusan sampah. Sebagai contoh: pengurangan penggunaan barangan pakai buang seperti peralatan makan dan minum (*disposable utensils*); membeli produk yang tidak mempunyai pembungkusan yang terlalu banyak; dan memulakan kompos sampah.

4. *Re-use (Share with others. Find new uses for old objects)* - merupakan langkah mudah dalam mengurangkan sisa. Contoh harian yang dapat kita lihat adalah mengamalkan penggunaan *reusable bag* ketika membeli-belah. Beg plastik bukan sahaja akan berakhir di tapak pelupusan, sebaliknya ia juga mungkin akan berakhir di dalam parit atau longkang yang bilamana tersumbat boleh menyebabkan banjir kilat.

5. *Repair (Fix or upgrade your objects rather than throwing them away)* - tidak terus membuang barang-barangan yang rosak. Sebilangan barangan yang rosak boleh dibaiki dan digunakan semula.

6. *Re-gift (Share, and be a part of the gift company)* - barangan yang masih boleh digunakan dihadiahkan atau disumbangkan kepada pihak yang memerlukan.
7. *Recover (Energy and materials recovery)* - merupakan rawatan bahan buangan untuk menjana tenaga. Tenaga yang dihasilkan oleh kaedah khas dan digunakan sebagai kuasa / tenaga.
8. *Recycle (Close the loop and remake)* - merupakan cara dan kaedah dalam menjalankan kitar semula barang-barangan yang dibuang. Selain itu, mempraktikkan seni *upcycle*, barangan terbuang untuk dijadikan suatu barangan baharu, yang berkualiti, bernilai dan boleh digunakan. Malah, ianya boleh dijadikan sebagai punca sumber pendapatan yang lumayan.

Saya amat yakin sekiranya Konsep 8R yang saya sebutkan tadi diamalkan sepenuhnya, matlamat menuju sisa sifar dapat dicapai dengan jayanya dan menjadi satu tunjang utama dalam penjagaan alam sekitar yang lebih lestari dan hijau

Para Hadirin yang dihormati sekalian,

Bagi makluman semua, AEON Big Bukit Minyak telah memulakan Program Sisa Sifar pada 21 Mei 2018. AEON Big merupakan hypermarket yang pertama memberi komitmen untuk menjalankan sisa sifar di premis mereka dengan mengasingkan sisa organik bagi tujuan pengkomposan.

Untuk permulaan, pengasingan sisa organik akan melibatkan tiga (3) buah gerai daripada medan selera makan (*foodcourt*), dan dua (2) buah restoran di dalam Hypermarket Aeon Big. Tiga (3) gerai dari medan selera makan tersebut adalah Fia Catering (*nasi ayam*), Joe Touch (*sizzling*) dan Izzshfawi (*tomyam*). Manakala dua (2) buah restoran ialah, Restoran Hussain Nasi Kandar, dan Restoran Marrybrown.

Satu taklimat mengenai kaedah pengasingan sisa organik telah diadakan kepada para peserta program sisa sifar pada 30 April 2018 di Foodcourt Hypermarket Aeon Big.

Para peserta juga dibekalkan dengan bekas untuk mengisi sisa organik dan apabila bekas ini telah penuh, pihak pengurusan akan memaklumkan kepada MPSP untuk menyelaraskan kutipan.

Selain pengasingan sisa di punca, Kempen Makan Sampai Habis amatlah bersesuaian bagi mengurangkan pembaziran. Di sini saya ingin menyeru para pengunjung untuk berfikir dahulu sebelum membeli atau menyediakan makanan dalam usaha mengurangkan penghasilan sisa organik. Ini hendaklah diaplikasikan sebagai budaya harian kita untuk menjayakan Sisa Sifar.

Saya juga menyeru kepada para hadirin sekalian, termasuk diri saya sendiri untuk bekerjasama mengurangkan kepanasan global dengan mengkompos sisa organik atau menjana biogas dan mengurangkan penghasilan sisa organik yang boleh menjana gas metana.

Dengan mengamalkan Konsep Sisa Sifar dan Makan Sampai Habis ini, kita bukan sahaja membantu memelihara alam sekitar malah memperolehi manfaat dalam bentuk penjimatan kos operasi atau harian. Walaupun kita tidak dapat memberikan sumbangan yang besar kepada bumi kita namun dengan mengamalkan perkara di atas sebenarnya

merupakan titik tolak untuk mengekang pelbagai permasalahan yang bakal timbul kesan daripada tabiat pembaziran yang dilakukan.

Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

Dalam menuju sisa sifar, setiap pihak memainkan peranan. Tanggungjawab ini bukan hanya tergalas di bahu pihak MPSP atau peniaga sahaja, tetapi meliputi semua individu kerana penjanaan sampah adalah melibatkan semua pihak. Sikap dan mentaliti perlu digembleng bersama dalam membentuk masyarakat yang menjaga dan mencintai alam sekitar, sejajar dengan matlamat MPSP untuk menjadi Bandaraya Rendah Karbon menjelang tahun 2022.

Saya seterusnya menyeru para hadirin sekalian untuk menjadikan sisa sifar sebagai satu amalan dalam budaya hidup seharian, agar bumi yang kita pinjam dari generasi akan datang ini, dapat dikembalikan kepada mereka seindah dan se hijau mungkin. Diharapkan dengan program sisa sifar ini, ianya dapat merealisasikan motto Negeri Pulau Pinang dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai "*Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang*".

Sebagai mengakhiri kata-kata dan dengan lafaz BISMILLAH saya dengan ini merasmikan Majlis Pelancaran Sisa Sifar AEON Big Bukit Minyak.

Sekian,

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh.

Terima kasih.